

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS
MOJIGOH [PUTATAN]**

**TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:

- (a) berapa ramaikah yang telah dapat manfaat daripada pemasangan *Solar Photovoltaic (PV)* di bawah program *SEDA (Sustainable Energy Development Authority)* serta kos yang terlibat dan adakah program *SEDA* akan melibatkan bangunan Kerajaan, kilang-kilang dan swasta; dan
- (b) berapa banyakkah kuasa elektrik yang dijangka akan dijana melalui kaedah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Sehingga 30 April 2014 sebanyak 2,701 permohonan bagi kategori solar PV dengan jumlah kapasiti 209.06MW telah diluluskan bagi kuota yang ditawarkan sehingga separuh tahun pertama 2015. Daripada jumlah ini 2,449 dengan jumlah kapasiti 26.28MW adalah pemohon individu dan 252 dengan jumlah kapasiti 182.78MW adalah pemohon daripada kategori bukan individu. Adalah dianggarkan kos sebanyak RM2,264,754,138.15 yang telah dan akan dilaburkan oleh pemegang kelulusan FiT bagi kategori solar PV bagi membangunkan pemasangan-pemasangan ini. Entiti swasta termasuk pemilik kilang boleh menyertai mekanisme ini dan entiti Kerajaan / Kerajaan Negeri boleh menyertai mekanisme FiT melalui anak syarikatnya atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik.
- (b) Berdasarkan jumlah kapasiti sebanyak 209.06MW yang telah diluluskan ini, adalah dianggarkan bahawa sebanyak 248,630

MWh tenaga yang akan dijana daripada sumber solar PV sehingga tahun 2014.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG]**
SOALAN :

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cadangan untuk mewajibkan setiap sekolah menengah dan rendah di negara ini memasang kamera litar tertutup (CCVTV) di setiap sekolah terutama pintu utama, untuk menangani kegiatan jenayah termasuk culik kanak-kanak.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di sekolah-sekolah adalah dibuat mengikut kategori sekolah yang berisiko tinggi. Pemasangan CCTV dimasukkan di dalam skop kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Kementerian Pendidikan, sekolah diberi kuasa untuk menentukan lokasi pemasangan CCTV yang sesuai termasuk dipintu utama.

Berhubung dengan cadangan ahli Yang Berhormat untuk mewajibkan setiap sekolah menengah dan rendah dipasang CCTV bagi mengatasi kes jenayah termasuk penculikan. Cadangan tersebut memang menjadi antara pertimbangan penentuan lokasi pemasangan CCTV dalam kontrak kawalan keselamatan disekolah yang dikenalpasti berisiko.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan dibelanjakan sehingga kini bagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di bandar-bandar utama seluruh negara, dalam usaha memantau dan menangani kegiatan jenayah seperti ragut yang semakin berleluasa kebelakangan ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2010 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM60Juta bagi melaksanakan projek pemasangan CCTV Fasa 1 di kawasan PBT. Sebanyak 496 CCTV telah dipasang di 25 PBT di Semenanjung Malaysia. Projek ini telah disiapkan pada 31 Mac 2011. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi bayaran sewaan CCTV Fasa 1 sehingga kini berjumlah hampir RM40Juta dan tempoh sewaan CCTV Fasa 1 akan berakhir pada 31 Mac 2016.

Pada tahun 2013 pula, peruntukan berjumlah RM80Juta telah diluluskan bagi melaksanakan projek pemasangan CCTV Fasa 2 di 25 PBT termasuk di negeri Sabah dan Sarawak. Sebanyak 496 CCTV sedang dipasang dan kontrak ini dijangka siap pemasangannya pada akhir bulan November 2014.

Oleh kerana projek ini belum siap di pasang, maka peruntukan belum dibelanjakan. Bayaran sewaan CCTV Fasa 2 akan hanya bermula

apabila kontrak telah siap pemasangan sepenuhnya dan telah serah kepada kerajaan.

Untuk makluman, pertambahan kos Projek Fasa 2 adalah disebabkan oleh peningkatan spesifikasi CCTV yang digunakan dalam Fasa 2 di mana peringkat Fasa 1 penggunaan kamera adalah jenis analog berbanding kamera IP (Internet Protokol) peringkat Fasa 2. Pertukaran ini adalah bagi meningkatkan kestabilan dan imej paparan berasaskan teknologi CCTV yang lebih terkini. Sebagai contoh resolusi video telah ditingkatkan dari 0.405 Megapixel kepada 2.0 Megapixel iaitu peningkatan resolusi sebanyak 5 kali ganda. Monitor LCD pula telah ditukarkan kepada monitor LED Full High Definition (HD) kesemuanya bertujuan bagi mendapatkan kualiti imej dan paparan yang lebih jelas sesuai dengan teknologi yang lebih terkini.

Di peringkat Fasa 2 juga storage capacity pada alat perakam video telah ditambah dari minima 5 Terabyte kepada minima 18 Terabyte bagi memastikan rakaman beresolusi tinggi selama 45 hari dapat dirakam dan disimpan. Pembinaan Fasa 2 juga melibatkan pemasangan 148 kamera di Sabah dan Sarawak, sedangkan Fasa 1 hanya tertumpu di Semenanjung tanah air. Penambahbaikan ini walaupun telah

menyebabkan pertambahan kos tetapi telah meliputi PBT seluruh negara dengan kualiti yang lebih baik.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014